

Kisona dapat tajaan

Kuala Lumpur: Pemain perseorangan wanita profesional negara, S Kisona meletakkan sasaran untuk berada dalam kelompok 20 terbaik dunia, paling tidak seawal tahun depan.

Pemain berusia 24 tahun yang dijadual menyertai kejohanan pertamanya di Terbuka Switzerland hujung bulan ini berkata, dia mempunyai keyakinan penuh dan bersemangat memasuki kelompok itu selepas menerima tajaan pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd.

“Satu harapan baharu, jadi saya boleh meneruskan karier saya. Perjalanan (profesional) saya sekarang ini bersama jurulatih (Mohd) Zakry (Abdul Latif) dan dibantu. (Mohamad) Arif (Abdul Latif). Setakat ini, latihan padu dan semua rakan sepasukan saya adalah lelaki,” katanya selepas majlis penyerahan tajaan daripada Matrix Concepts di Akademi Badminton Malaysia (ABM), di sini, semalam.

Mewakili Matrix Concepts Holdings Bhd adalah Timbalan Pengurus Kumpulan Eksekutifnya, Datuk Seri Lee Tian Hock dan disaksikan Presiden BAM, Tan Sri Mohamad Norza Zakaria dan bapa Kisona, A Selvaduray.